

14/12/1998

Pemimpin wajar perkukuh parti

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi meminta pemimpin parti itu khususnya di peringkat bahagian berusaha memperkukuhkan parti untuk menghadapi pilihan raya umum.

Beliau berkata sikap mementingkan kedudukan tidak memberi sebarang makna sekiranya Umno kalah dalam pilihan raya.

"Saya ingin menyarankan pemimpin di peringkat akar umbi supaya memberi lebih perhatian kepada kawasan masing-masing," katanya ketika mengulas ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Khas Umno di sini.

Zahid, yang menghadiri perhimpunan kali ini sebagai perwakilan biasa, bersetuju dengan seruan Dr Mahathir supaya anggota Umno mengutamakan kepentingan parti daripada individu.

Dalam hubungan ini, katanya, pemimpin di semua peringkat harus turun ke peringkat akar umbi untuk menghilangkan kekeliruan ekor apa yang berlaku baru-baru ini bagi mengelakkan perpecahan parti.

Beliau merujuk kepada isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kabinet dan parti awal September lalu.

Zahid yakin Umno dapat terus mengekalkan perpaduan walaupun terpaksa menghadapi keadaan itu.

Umno pernah mengalami perpecahan apabila Datuk Onn Jaafar bertindak keluar daripada parti dan mewujudkan parti lain tetapi Umno tetap utuh kerana ahli tetap taat dan mengutamakan kepentingan parti.

"Situasi itu tidak menyebabkan Umno tergugat. Apa yang dikatakan oleh Presiden parti adalah benar dan harus diterima pakai dengan baik oleh anggota parti di peringkat akar umbi," katanya.

(END)